

Kemiskinan Bandar

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kemiskinan merupakan masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh semua negara. Malahan negara maju juga tidak terlepas dari mempunyai rakyat yang hidup di dalam kemiskinan. Isu kemiskinan ini berkait rapat dengan pengagihan kekayaan negara. Sebuah negara walaupun berpendapatan tinggi dengan pengagihan kekayaan yang tidak baik akan mempunyai ramai rakyatnya yang hidup di dalam kemiskinan.

Sejarah negara menunjukkan isu kemiskinan menerbitkan lain-lain isu sosioekonomi. Ini termasuk tahap pendidikan dan kesihatan yang rendah, pemakanan yang kurang berkhasiat, tempat kediaman yang kurang sempurna, kemudahan infrastruktur yang terhad dan sebagainya. Isu-isu sosioekonomi ini seterusnya diterjemahkan kepada tahap produktiviti ekonomi yang rendah.

Proses pembangunan ekonomi sesebuah negara sering meletakkan matlamat serampang dua mata, yakni peningkatan pendapatan dan pengagihan pendapatan yang baik. Pengagihan pendapatan yang baik tidak semestinya sama rata. Malah, menjadi lumrah ekonomi pasaran bebas mempunyai ramai rakyatnya yang kaya. Jadi kayu ukur utama di dalam isu pengagihan kekayaan negara dengan baik adalah dengan membasmi atau sekurang-kurangnya mengurangkan kadar kemiskinan.

Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan selari dengan pembangunan ekonomi. Di era selepas merdeka, ramai rakyat jelata hidup di dalam serba kemiskinan. Insiden kemiskinan pada tahun 1970 adalah 49.3 peratus, bermakna hampir dari separuh rakyat hidup di dalam kemiskinan. Kadar kemiskinan beransur menurun tahun demi tahun sehingga mencapai satu digit mulai pertengahan tahun 1990an. Insiden kemiskinan pada tahun 1995 adalah 8.7 peratus. Statistik insiden

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kemiskinan terkini adalah 0.6 peratus untuk tahun 2014, merupakan penurunan berbanding dengan 1.7 peratus untuk tahun 2012.

Insiden kemiskinan merupakan satu statistik untuk mengukur kadar kemiskinan. Sebuah isi rumah dikira miskin sekiranya pendapatan mereka di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK). PGK ditentukan berdasarkan kos keperluan asas yang meliputi tiga komponen iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah itu sendiri.

Untuk tahun 2014, PGK untuk Semenanjung adalah RM930 sebulan. Sementara PGK untuk Sabah dan Sarawak adalah masing-masing RM1,170 sebulan dan RM990 sebulan. Namun begitu, PGK juga mengambil kira perbezaan perbelanjaan isi rumah antara bandar dan luar bandar. Oleh itu, terdapat juga PGK berasingan untuk bandar dan luar bandar. PGK bandar untuk Semenanjung adalah RM940 sebulan, berbanding dengan RM1,160 untuk Sabah dan RM1,040 untuk Sarawak. Manakala untuk PGK luar bandar adalah RM870 untuk Semenanjung, RM1,180 untuk Sabah dan RM920 untuk Sarawak.

Jadi secara umumnya, Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan, walau pun masih terdapat perbezaan antara negeri. Semua negeri telah merekodkan kadar kemiskinan di bawah 1.0 peratus pada tahun 2014, kecuali Sabah dengan kadar 4.0 peratus. Isu insiden kemiskinan yang tinggi di Sabah sudah tentu perlu ditangani.

Walaupun kadar kemiskinan telah berjaya diturunkan dengan ketara, namun perlu diambil perhatian bahawa struktur masyarakat juga turut berubah seiring dengan pembangunan ekonomi. Dua perkara terdedah kepada kedinamikan pembangunan ekonomi perlu diambil perhatian. Pertama, pembangunan ekonomi menyebabkan lebih ramai penduduk tinggal di bandar. Kedua, pembangunan ekonomi juga menyebabkan cara hidup dan cita rasa penduduk juga turut berubah.

Kini lebih dari dua pertiga rakyat tinggal di bandar, berbanding dengan sebilangan besar rakyat yang hidup di luar bandar di awal penubuhan Malaysia. Peningkatan penduduk bandar disebabkan oleh dua faktor, iaitu peningkatan kadar urbanisasi dan juga peningkatan transformasi kawasan penempatan dari luar bandar ke bandar.

Peningkatan kadar urbanisasi berkait rapat dengan perubahan jenis-jenis pekerjaan di kalangan penduduk. Dalam pada itu, banyak kawasan-kawasan luar bandar yang telah ditransformasikan kepada bandar selari dengan pembangunan ekonomi.

Kedua-dua perubahan ini, iaitu peningkatan penduduk bandar dan perubahan cara hidup serta cita rasa penduduk, menyebabkan isu kemiskinan ini perlu diperhalusi. Pengubahsuaian nilai PGK mungkin tidak mampu menangani segala perubahan ini. Kesannya, isu kemiskinan bandar perlu diberi tumpuan. Statistik 2014 menunjukkan insiden kemiskinan bandar adalah 0.3 peratus, lebih rendah dari insiden kemiskinan luar bandar 1.6 peratus, berdasarkan PGK terkini.

Perbezaan PGK antara bandar dan luar bandar mungkin tidak setimpal dengan keperluan cara hidup masyarakat bandar. Umpamanya untuk Semenanjung, perbezaan PGK RM70 sebulan adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan keperluan cara hidup di bandar. Antara lain, sewa rumah di bandar jauh lebih mahal dan kepunyaan pengangkutan peribadi menjadi keperluan bukan lagi sebagai simbol status. Contohnya, peratusan isi rumah yang memiliki kereta di bandar pada tahun 2014 adalah 88.1 peratus berbanding dengan 69.8 peratus untuk luar bandar.

Kesimpulannya, ramai di kalangan masyarakat bandar yang mempunyai pendapatan walaupun melebihi PGK namun masih merasai kesempitan hidup disebabkan keperluan cara hidup di bandar. Isi rumah di dalam kategori ini, walaupun tidak tergolong di dalam kumpulan miskin mengikut definisi namun mereka juga tidak “kaya” kerana mereka masih perlu bergelut untuk hidup.

Isu seperti ini bukan sesuatu yang luar biasa tetapi adalah merupakan kesan sampingan kepada pembangunan ekonomi. Ianya merupakan cabaran kepada mana-mana kerajaan yang memilih dasar pertumbuhan ekonomi. Manakala bagi pihak individu, tiada jalan lain untuk keluar dari kemelut ini melainkan melalui peningkatan pendapatan isi rumah. Langkah yang perlu diambil adalah melalui peningkatan kemahiran yang relevan untuk keperluan pertumbuhan ekonomi. Dalam pada itu, keperluan kemahiran sentiasa berubah dengan cepat selari dengan pembangunan teknologi, apatah lagi individu yang tidak langsung mempunyai sebarang kemahiran asas.

